

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA ,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : DATO' SERI UTAMA HAJI MUKHRIZ  
BIN TUN DR. MAHATHIR [ JERLUN ]**

**TARIKH : 11 OGOS 2020 (SELASA)**

**SOALAN**

Minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan langkah-langkah mencergaskan semula aktiviti sukan dan rekreasi :

- (a) Malaysia sedang membuat persiapan atlet ke Sukan Olimpik. Bagaimana dengan **latihan bakat muda atlet negara**; dan
- (b) kesan pandemik COVID-19 ke atas sukan-sukan bertaraf antarabangsa. Adakah sukan ternama, khususnya Iron Man Langkawi, Langkawi Regatta, Triathlon dan Duathlon akan diteruskan pasca COVID-19.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kementerian Belia dan Sukan (KBS) melalui Majlis Sukan Negara (MSN) dengan kerjasama Persatuan Sukan Kebangsaan (PSK) dan Institut Sukan Negara (ISN) sedang mempersiapkan atlet-atlet di bawah **Program Podium ke arah temasya Sukan Olimpik dan Paralimpik Tokyo 2020** (2021). Sehingga kini, seramai 12 atlet olimpik dan 14 atlet Paralimpik

## NO. SOALAN : 12

telahpun berjaya melayakkan diri melalui kejohanan-kejohanan kelayakan yang telah diadakan. Manakala seramai 23 atlet olimpik dan 13 atlet Paralimpik akan mengikuti proses kelayakan sehingga bulan Jun 2021 nanti. **Program Podium ini terdiri daripada 575 atlet yang disasarkan untuk melayakkan diri ke temasya Sukan Asia, Komanwel dan juga Sukan SEA akan datang.**

2. Selain atlet kebangsaan, tumpuan turut diberikan kepada pembangunan atlet-atlet muda di kesemua **14 negeri menerusi Program Pelapis Negeri dan Program Bakat**. Pelaksanaan **Program Pelapis Negeri** adalah menerusi peluang latihan yang sistematik di peringkat negeri bagi atlet muda berumur di bawah 21 tahun untuk beraksi di Temasya Sukan Malaysia (SUKMA) yang diadakan setiap dua tahun sekali. Temasya ini penting dalam usaha melahirkan lebih ramai atlet berbakat dan berpotensi untuk dibawa ke peringkat yang lebih tinggi, secara amnya Sukan SEA, Komanwel, Asia dan juga Sukan Olimpik. Jaguh-jaguh negara seperti **Nur Dhabitah Sabri, Pandeleta Renong (Terjun), Lee Zii Jia (Badminton), Jupha Somnet (Berbasikal), Amy Kwan Dict Weng (Gimrama), Khairulnizam Mohd Afendy (Pelayaran)** dan ramai lagi merupakan produk **Program Pelapis Negeri**.
3. Selain itu, **Program Bakat** yang merupakan proses pendedahan latihan awal bagi bakat-bakat muda berumur di antara 13 hingga 15 tahun turut dilaksanakan di peringkat daerah.
4. Program-program ini adalah usaha sama secara kolektif antara MSN, Majlis Sukan Negeri, Persatuan Sukan Negeri dan pemegang taruh yang lain. Antara perkhidmatan yang disediakan oleh MSN bagi pelaksanaan program-program tersebut adalah dari aspek kejurulatihan dan penganjuran pertandingan. Melalui usaha-usaha yang telah dilaksanakan setakat ini, seramai **5,021 orang atlet, 319 orang jurulatih daripada 244 buah Pusat Latihan Negeri (PLN)** telah berdaftar di bawah program Pelapis Negeri dan bagi Program Bakat pula, sejumlah **1,571 orang atlet, 119 orang jurulatih di 115 buah Pusat Latihan Daerah (PLD)** telahpun

## NO. SOALAN : 12

mula menjalani latihan secara separuh masa berdasarkan SOP yang ditetapkan Majlis Keselamatan Negara (MKN).

5. Selain itu, **Program-program Khas** turut diwujudkan seperti Program Pembangunan Bola Sepak Negara (PPBN), Program Pembangunan Ragbi Negara (NRDP), Program Pembangunan Hoki Negara (NHDP) dan Junior Cycling Malaysia (JCM) bagi membangunkan lebih ramai pemain-pemain berkualiti di peringkat akar umbi.

6. Wabak pandemik COVID-19 yang telah melanda dunia termasuk Malaysia telah merubah ekosistem serta aktiviti sukan dari peringkat akar umbi sehingga ke peringkat antarabangsa. Program latihan dan penganjuran kejohanan-kejohanan yang terpaksa ditunda ekoran penularan wabak ini kini telah mula dibuka secara berperingkat-peringkat selaras dengan SOP semasa yang telah dikeluarkan oleh Majlis Keselamatan Negara dengan pengamalan norma baharu. Namun begitu, penganjuran pertandingan dengan penonton dan kejohanan bertaraf antarabangsa masih tersenarai dalam **aktiviti dilarang Majlis Keselamatan Negara** buat masa ini dan akan dibawa untuk pertimbangan fasa-fasa pembukaan sektor sukan dan rekreasi yang seterusnya melihat kepada situasi pengawalan pandemik COVID-19 di Malaysia dan seluruh dunia.

7. Ini secara tidak langsung telah menjaskan bukan sahaja penganjuran sukan antarabangsa seperti yang disebut oleh YB Jerlun seperti **Iron Man Langkawi, Langkawi Regatta, Triathlon dan Duathlon**, malah semua jenis kejohanan sukan dan acara yang melibatkan peserta dari luar negara kerana ini melibatkan **dasar kerajaan mengenai sempadan negara yang masih ditutup**. Dasar pembukaan sempadan negara bukan di bawah bidang kuasa Kementerian Belia dan Sukan, tetapi tertakluk di bawah MKN dan Mesyuarat Khas Menteri-Menteri mengenai Pelaksanaan PKP yang dipengerusikan oleh Menteri Kanan Pertahanan, YB Dato' Sri Ismail Sabri Yaakob. Selain itu, kejohanan tempatan yang melibatkan **penonton dan yang melibatkan peserta yang ramai (mass-gathering)** juga tidak dibenarkan lagi setakat ini sehingga keadaan

## NO. SOALAN : 12

mengizinkan dan dibenarkan oleh pihak MKN, KKM dan Mesyuarat Khas Menteri-Menteri tersebut tadi.

8. Antara Kejohanan Sukan Antarabangsa di Malaysia mahupun di luar negara yang telah dibatalkan atau ditunda pada tahun ini seperti **MotoGP di Malaysia, Thailand dan Argentina** yang terpaksa dibatalkan akibat wabak COVID-19. Selain itu, **Liga Bola Sepak Australia A-League** juga telah ditunda akibat peningkatan kes-kes COVID-19 di **bandar Melbourne**, dan juga **V-League di Vietnam** yang telah ditunda akibat penularan situasi wabak COVID-19 di **Da Nang, Vietnam**. **Piala Thomas dan Piala Uber Badminton** juga telah ditunda sebanyak dua kali dan kini dijadualkan secara *tentative* pada bulan Oktober di Denmark.

9. Walau apapun, saya memahami bahawa kejohanan **sukan bertaraf antarabangsa mampu meletak nama negara di mata dunia dan juga membawa impak positif dan sumbangan kepada ekonomi negara** khususnya kepada industri sukan dan industri pelancongan tempatan, akan tetapi dalam situasi luar biasa (*unprecedented*) COVID-19 ini, keselamatan dan kesihatan atlet / peserta negara, krew dan semua yang terlibat menjadi keutamaan dan kepentingan negara. Sama-sama kita doakan dan saling ingat-mengingati untuk sentiasa **mematuhi arahan MKN dan KKM agar keadaan bertambah baik dan terkawal** agar sektor sukan juga dapat dibuka dan kembali rancak seperti sedia kala kelak, InsyaAllah

Sekian terima kasih.